

KAEDAH DOKUMENTASI KESUSASTERAAN RAKYAT

Bengkel Penyelidikan/ Pengumpulan Sastera Rakyat Sabah,
Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Sabah, pada 2-4 Ogos, 1999
Bertempat di Borneo Paradise Resort, Kinarut Papar, Sabah

Oleh

**Halimah Hassan
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

PENGENALAN

SEBELUM melakukan sesuatu kajian lapangan, pengkaji hendaklah menyediakan satu persiapan awal, kerana bentuk kajian yang ingin dilakukan bukanlah bentuk benda yang tidak bertuan., hingga dapat kita pungut begitu sahaja. Kesusasteraan Rakyat yang akan kita kutip ini walaupun milik bersama masyarakatnya, namun sebenarnya ada yang menyimpannya yang juga adalah penutur/penyebarnya/pewaris bahan tersebut. Ada kalanya bahan tersebut berada di satu daerah yang sukar didapati. Hambatan lain ialah datang daripada pemilik bahan tersebut, kepercayaan misalnya. Pemilik Kesusasteraan Rakyat tersebut akan merasa curiga apabila pendekatan yang dilakukan oleh seseorang peneliti tidak bersesuaian dengan masyarakat tersebut. Pendekatan yang salah akan menimbulkan perasaan tidak selesa pemilik bahan tersebut. Akibatnya pemilik tersebut akan menolak untuk menceritakannya dan apabila dipaksa mereka akan berbohong. Keadaan yang sama akan menjadi lebih sulit lagi apabila bentuk Kesusasteraan Rakyat itu adalah sesuatu yang rahsia seperti bahasa rahsia.

Oleh itu sebelum memulai penelitian yang sesungguhnya, pengkaji hendaklah terlebih dahulu membuat satu perancangan:

Penelitian Awal

- Menentukan terlebih dahulu bentuk Kesusasteraan Rakyat yang ingin dikaji, sama ada cerita mitos, legenda, cerita rakyat atau bentuk-bentuk non-naratif seperti bahasa rakyat, puisi tradisional, ungkapan tradisional, pertanyaan tradisional, atau nyanyian rakyat.
- Menentukan bentuk pendekatan yang hendak digunakan.
Biasanya pendokumentasian dilakukan dengan menggunakan:
 - a. alat perakam suara
 - b. wawancara dengan informan.
 - c. Kamera (untuk mengambil gambar informan) atau bentuk muka bumi atau artifak yang ada hubungannya dengan bahan.

- Menentukan daerah di mana bahan tersebut dikutip dan didokumentasi. Daerah tersebut hendaklah tempat yang mudah dihubungi oleh pengkaji.
- Tentukan juga berapa lama dokumentasi itu dijalankan. Pengkaji boleh mendapatkan maklumat awal daripada informan.

Penelitian Khusus

a. Kajian Perpustakaan

Sebelum melakukan kerja lapangan, seseorang pengkaji hendaklah membaca sebanyak mungkin maklumat berkaitan dengan bahan yang akan didokumentasikan. Kajian ini dinamakan kajian perpustakaan. Jika tidak terdapat bahan bertulis yang berkaitan, pengkaji boleh mendapatkan beberapa keterangan awal daripada pendukung bahan tersebut atau orang yang mempunyai hubungan daerah atau bahan yang akan kita dokumentasikan.

b. Mengetahui budaya masyarakat informan

Pengetahuan mengenai kebudayaan, terutama adat istiadat serta sopan santun suku bangsa yang hendak kita teliti itu adalah sangat membantu penyelidikan. Dengan bekal pengetahuan itu kita dapat lebih mudah mendekati informan dan dengan cepat mendapat kepercayaan mereka. Adalah lebih baik jika sebelum ke sana kita sudah mengetahui bahasa mereka.

Penelitian di tempat kajian

Setibanya pengkaji di tempat tersebut, secepat mungkin ia harus berusaha membuat satu hubungan rapport atau hubungan harmoni dan saling mempercayai dengan kolektif yang hendak diteliti atau sekurang-kurangnya dengan para informan. Di samping itu harus dicari segera informan yang berkaitan. Dalam konteks Kesusasteraan Rakyat, kita harus mengetahui siapa pewaris aktif bahan tersebut, sama ada pencerita profesional, kaum ibu, kaum bapa, ketua kampung atau kepala adat, dan sebagainya.

Di samping persediaan-persediaan yang telah dinyatakan di atas, yang sangat penting supaya kita mudah dipercayai ialah kita hendaklah berlaku jujur kepada para informan, bersikap rendah hati, tidak bersikap sombong atau berlagak mahu menunjuk-nunjuk. Sikap yang baik ini akan membuatkan para informan mudah menerima kita. Oleh kerana telah mempercayai kita, mereka tidak segan-segan memberi semua keterangan yang diperlukan. Hubungan yang akrab bukan sahaja perlu kita tumbuhkan, tetapi juga perlu dipupuk selama kita berada di kalangan mereka. Salah satu lenyapnya hubungan akrab ini ialah kita terseret dalam satu pertentangan antara golongan, bersifat sombong, memperlihatkan tingkahlaku yang menunjukkan kita merendahkan budaya mereka dan tidak pandai membawa diri.

Cara mendapatkan maklumat.

Kebanyakan sarjana sastera rakyat menyarankan dua pendekatan untuk mendokumentasi bahan-bahan lisan sastera rakyat iaitu kaedah wawancara dan kaedah pengamatan.

a. Wawancara:

Banyak cara wawancara yang boleh dilakukan tetapi yang berkaitan dengan dokumentasi bahan-bahan sastera rakyat ialah:

Wawancara tidak terarah: Merupakan wawancara yang bersifat santai dan memberi informan kesempatan yang sebesar-besarnya untuk memberikan keterangan yang ditanyakan. Wawancara ini penting pada tahap pertama penelitian kerana dengan memberikan keterangan-keterangan yang tidak terduga yang tak akan dapat kita ketahui jika kita menanyakannya secara wawancara terarah. Pada tahap berikutnya setelah kita dapat gambaran umum, bentuk Kesusasteraan Rakyat yang hendak kita teliti kita harus menggunakan cara wawancara kedua iaitu wawancara terarah.

Wawancara terarah: Wawancara jenis ini ialah wawancara yang pertanyaan yang akan kita ajukan kepada informan sudah disediakan terlebih dahulu dalam susunan bentuk daftar bertulis. Penggunaan daftar pertanyaan sangat penting kerana hasilnya nanti akan dimasukkan ke dalam bahagian rumusan. Jawapannya juga sudah dibatasi dengan yang relevan sahaja dan diusahakan supaya informan tidak menyimpang ke mana-mana dalam memberi jawapan.

Perkara penting yang perlu diambil tindakan oleh pengkaji dalam kaedah wawancara ialah pengujian kebenaran kaedah wawancara tersebut. Langkah ini penting dilakukan agar hasil bahan pengumpulan ini dapat dipertanggungjawabkan mutunya. Antaranya ialah:

- Mengajukan pertanyaan yang sama kepada informan yang lain
- Menilai kenyataan informan dengan pengamatan pengkaji sendiri
- Waktu yang diambil ketika wawancara tidak terlalu lama terutama wawancara terarah, kerana jika terlalu lama akan menimbulkan kebosanan dan memberi ruang kepada informan tersebut untuk mereka fakta, dan yang lebih menakutkan ialah mereka akan serik untuk diwawancara lagi.
- Waktu yang diambil itu juga tidak mengganggu pekerjaan informan yang menimbulkan rasa ketidak selesaan kepada mereka.

Langkah-langkah tersebut hendaklah dilakukan secara tektik yang paling licin dan berhati-hati, jangan sampai memberi kesan kepada informan yang penyelidik meragui jawapan mereka. Ini akan merosakkan hubungan penyelidik bukan sahaja dengan informan malah masyarakat mereka seluruhnya.

Sebelum melakukan satu wawancara, harus dicatat dengan lengkap segala keterangan mengenai peribadi informan, seperti nama, umur, pekerjaan, alamat dan latar belakang pendidikan mereka, dari mana mereka mewarisi bahan kesusasteraan rakyat tersebut, tempat wawancara itu dilakukan, suasana sekitar tempat tersebut sama ada mereka berdua sahaja atau ada folknya yang lain yang juga turut hadir dan memberi input terhadap dokumentasi tersebut. Oleh itu selain membuat dokumentasi bahan, pengkaji juga turut mendokumentasi konteksnya, dengan tambahan terhadap beberapa keterangan kepada siapa, oleh siapa, pada kesempatan apa, untuk maksud apa dan apa gunanya bahan tersebut diceritakan atau dipertunjukkan.

Jika informan itu terdiri daripada penutur profesional, seperti Penglipurlara atau dalang wayang kulit, Tok Selampit dan sebagainya, hendaklah dikumpulkan keterangan tentang dari mana mereka mendapat ilmu tersebut, dan cara ilmu itu diturunkan kepada mereka, syarat-syarat yang dituntut untuk menjadi dalang/ calon dalang, sama ada semua orang akan diterima untuk menjadi dalang atau hanya orang tertentu sahaja, tata cara penerimaan sebagai dalang, adakah mereka terpaksa membayar harga untuk menjadi dalang atau seorang murid harus bekerja membantu gurunya, bagaimana sesuatu latihan dijalankan sama ada setiap hari atau bagaimana, tempuh mendapatkan ilmu tersebut, dan apakah kedudukan seorang dalang dalam masyarakatnya, dan latar belakang/ riwayat hidup penutur/ dalang tersebut secara lengkap. Semua perkara ini akan membantu pengkaji/ penyelidik dapat mengenal pasti tentang bahan dan Kesusasteraan Rakyat tersebut.

Seelok-eloknya semua hasil wawancara segera dicatat atau dirakam dengan alat perakam. Jika pencatatan ditunda terlalu lama, keterangan yang diperolehi akan mengalami perubahan kerana faktor terlupa.

b. Pengamatan

Pengamatan ialah cara melihat sesuatu kejadian seperti ketika bahan tersebut dituturkan, dari luaran dan dalamannya. Pengkaji hendaklah melukiskan semula apa yang dilihatnya tanpa meminda atau menokoh-tambah kepada bahan tersebut. Pengamatan juga tidak terbatas kepada penglihatan (visual) sahaja tetapi juga termasuk pengalaman yang diperolehi dari perasaan indera seperti bau, pendengaran dan rasa.

Penyelidik juga sebaiknya dapat melibatkan diri dalam proses pertunjukan atau upacara. Misalnya membantu memukul gendang, atau menyediakan peralatan pertunjukan dan sebagainya. Walaupun cara ini mungkin menimbulkan pertimbangan yang berat sebelah, namun kebaikan yang didapati melebihi kecacatannya. Kebaikakn ini diperolehi kerana dengan kaedah ini, pengkaji dapat merasai suasana pertunjukan atau upacara tersebut sebagai orang dalam. Pengalaman ini tidak akan diperolehi jika hanya meneliti daripada luara.

Harus diingat, untuk menjadi pengamat yang terlibat tidak mudah, kerana hanya boleh dilakukan jika sudah lama berada di tempat penelitian, sehingga

keterlibatan pengkaji tidak dianggap sebagai orang luar. Jika tidak, kehadiran kita akan mengganggu kewajaran mereka. Untuk mendapat hasil yang baik, kaedah pengamatan juga harus mengambil masa yang lama. Antara hal-hal yang harus diperhatikan ialah:

- lingkungan fizikal ketika bahan Kesusasteraan Rakyat tersebut diadakan atau dirakamkan seperti keperluan persembahan, bentuk panggung kedudukan alatan dan sebagainya.
- lingkungan sosial atau orang yang hadir ketika bentuk Kesusasteraan Rakyat tersebut diadakan; siapa, jumlah, golongan, tahap umur mereka, kedudukan mereka dalam masyarakatnya, hubungan antara mereka, bentuk hubungan seperti kekeluargaan dan sebagainya, tempat tinggal, fahaman politik, strata sosial mereka dan lain-lain.
- interaksi peserta / penonton secara formal atau tidak seperti diadakan pertanyaan dan sebagainya,
- pengamatan terhadap bentuk Kesusasteraan Rakyat itu sendiri seperti bentuk puisi yang diucapkan, gerak geri pengucap ketika mempersembahkan puisi tersebut, perbezaan antara seorang penutur dengan penutur yang lain(jika ada) seperti penutur tua atau penutur muda, lelaki atau wanita, penutur profesional atau penutur amatir, hiasan pakaian, solekan dan sebagainya.
- masa/ waktu diadakan iaitu sama ada diadakan di masa yang tertentu seperti di musim menuai, pengubatan atau sebagainya.

Pengamatan juga boleh dilakukan secara yang terarah. Misalnya selepas pertunjukan, pengkaji meminta penutur menuturkan semula bahan tersebut kerana ketika pertunjukan pengkaji tidak dapat membuat penelitian sewajarnya.

Alat Bantuan Daya Pengamatan

Antara alat bantuan ini ialah kamera, alat perakam suara, atau video tape yang digunakan untuk merakamkan gambaran hidup penutur dan masyarakatnya, atau binocular. Alatan ini penting untuk melengkapkan kajian dan pendokumentasian yang kita lakukan. Oleh kerana masyarakat desa akan merasa tidak selesa apabila diambil gambar, kita hendaklah selalu menggunakan kamera dan alat perakaman tersebut supaya apabila tiba waktu yang penting untuk merakam bahan yang diperlukan mereka akan menjadi biasa dan wajar.

Sebelum mengambil gambar atau menggunakan alat rakaman, kita seharusnya meminta izin terlebih dahulu kerana ditakuti ada pantang larang terutama dalam upacara keagamaan. Ketika membuat rakaman gambar, selain mengambil gambar still hitam putih atau berwarna, gunakan juga film slides yang berwarna kerana gambar berwarna lebih memudahkan penyelidik menyimak dan mengesan semula fakta yang kurang jelas.

Akhirnya pada waktu mencatat hasil pengamatan atau wawancara harus berwaspada jangan sampai mencampur adukkan hasil pengumpulan dengan interpretasi. Catat segalanya walaupun dirasakan bahawa fakta tersebut dirasakan kurang logik atau tidak relevan. **Harus diingat jangan sesekali membuang atau meninggalkan apa-apa sahaja yang berbentuk motif dalam bahan Kesusasteraan Rakyat tersebut kerana setiap motif itulah yang menjadikan bahan tersebut sebagai Kesusasteraan Rakyat.**

LAPORAN

Setiap pengumpulan bahan tersebut hendaklah di susun dan ditulis atau di taip semula dengan kemas dan mengikut spesifikasi yang telah diberi. Jangan meminda apa-apa yang telah dituturkan oleh penutur. Kajian Kesusasteraan Rakyat bukan hanya memerlukan isi/ kandungan bahan tetapi juga bentuk, bahasa, *struktur*, motif atau segala elemen yang terdapat dalam bahan tersebut.

Ada beberapa cara/ format laporan dokumentasi Kesusasteraan Rakyat ditulis. Antara yang popular dan biasa digunakan ialah Alan Dundes iaitu: (Lihat **LAMPIRAN 1**)

- A. Pada setiap helai kertas laporan (ditaip atau ditulis tangan) harus diberi jarak lajur 3.5 cm. di sebelah kiri dan 2.5 cm. di sebelah kanan., 3.5 cm. di bahagian atas dan 3.5 cm. di sebelah bawah. Setiap alinea hendaklah dimulai dengan lima indent/ ketukan kosong.
- B. Pada setiap lembaran pertama setiap jenis/ genre Kesusasteraan Rakyat harus dilengkapi dengan beberapa keterangan dan ditaip/ ditulis secara sederet:
 - i. Pada sudut kiri bahagian atas lembaran diberi sekurang-kurangnya tiga keterangan iaitu:
 - a. Genre: seperti cerita lagenda, cerita mitos, cerita binatang cerita penglipurlara dan sebagainya.
 - b. Daerah asal genre itu: seperti Papar, Tawau, Ranau dan sebagainya.
 - c. Suku bangsa yang memilikinya: seperti Dusun, Khadazan, Murut dan sebagainya.

Keterangan yang lebih terperinci sangat membantu penyelidik di kemudian hari hari.

- ii. Pada sudut kanan bahagian atas setiap lembaran pertama bahan, hendaklah di letakkan keterangan tentang informan yang ditaip dari atas ke bawah, dengan urutan seperti berikut:
 - a. Nama, umur dan jantina (contoh: Ali bin Abu, 56 tahun, lelaki)

- b. Pekerjaan, warganegara, suku bangsa, dan tempat lahir (contoh: petani, Malaysia, Dusun, Ranau)
 - c. Bahasa dan bahasa-bahasa yang dikuasai oleh informan. Disusun mengikut bahasa yang paling dikuasai didahulukan (contoh: Dusun, Melayu, Inggeris)
 - d. Tempat bahan tersebut diperolehi dari informan oleh pengkaji (Contoh: pondok jualan di pasar pekan Ranau, Sabah).
- iii. Pada sudut kanan sebelah bawah harus disertakan keterangan tentang pengkaji/ pengumpul bahan dan di taip/ ditulis dari atas ke bawah iaitu:
- a. Nama, suku bangsa, umur dan jantina
 - b. Alamat sementara dan alamat tetap. Penggunaan daftar pertanyaan sangat penting kerana hasilnya nanti akan dimasukkan ke dalam bahagian rumusan.

Panduan Tambahan

1. Jika ada item yang panjangnya lebih daripada satu muka kertas, maka setiap halaman hendaklah diberi nombor halaman bermula dari 1 dan seterusnya. Keterangan B. i dan ii dan iii ditaip/ ditulis di halaman pertama sahaja. Di sudut kanan baris terakhir setiap halaman hendaklah dicatat nama pengumpul sahaja (Lihat Lampiran 2 : **CONTOH**)
 2. Semua lembaran kertas dari satu item sebaiknya dikokot, supaya helaian tersebut tidak tercerai.
 3. Jika sesuatu item Kesusasteraan Rakyat diperolehi oleh pengumpul bukan daripada seseorang informan, melainkan dari pengetahuannya sendiri yang ia pernah dengar dan amati sejak kecil, maka sebagai ganti keterangan tentang informan hendaklah diberi ketenangan tentang dirinya sendiri, iaitu pada tempat nama informan ditulis "Nama pengumpul", 25 tahun, lali-laki dan sebagainya.
 4. Jika informan keberatan memberitahu umurnya, boleh sahaja ditulis umur agakan/ dugaan seperti lingkungan 30'an dan sebagainya.
- C. Setiap naskhah koleksi Kesusasteraan Rakyat seharusnya mengandungi tiga perkara/ bahan iaitu:
1. Teks bentuk Kesusasteraan Rakyat yang dikumpulkan
 2. Konteks teks yang bersangkutan
 3. Pendapat dan penilaian informan dan pengumpul yang dinyatakan dengan jelas. Pendapat ini juga harus dikaitkan dengan catatan anotasi/ petunjuk tentang varian yang pernah diterbitkan dalam buku tertentu atau berdasarkan motif indeks yang diterbitkan/ disusun oleh Stith Thompson atau berdasarkan type index oleh Antti Aarne dan Stith Thompson.

Teks/ Bahan yang Dikumpulkan

- a. Jika yang dikumpulkan ialah lagu rakyat, harus juga disertakan nota lagu dan liriknya diletakkan tepat di bawah lagu/ iramanya.
- b. Jika yang dikumpulkan itu merupakan bentuk terikat seperti puisi, teka-teki bersajak, peribahasa, dan sebagainya, senikatanya harus dicatat dalam bahasa asal tuturan dan dua jenis terjemahan iaitu terjemahan kata demi kata yang diletakkan di bawah setiap perkataan yang berkaitan dan terjemahan yang satu lagi ialah terjemahan isi teks per kalimat.
- c. Bagi teks karangan bebas/ bentuk prosa naratif, bahasa aslinya tidak perlu dicatat tetapi harus dicatat terjemahan, itupun terjemahan isinya sahaja.
- d. Bagi teks yang berbentuk terikat seperti puisi perlu disertakan tanda
“ - “ di tempat yang mempunyai nada suara yang keras dan tanda “ u “ untuk tekanan nada suara yang lembut.
- e. Bahan-bahan lain seperti pita rakaman suara, video, gambar foto atau filem gambar hidup adalah pelengkap teks, tidak dianggap sebagai pengganti teks.

Konteks Teks (contextual information)

Merupakan semua keterangan tentang teks seperti:

- a. Bilamana dan di mana informan mempelajari atau memperoleh item. Jika tarikh yang tepat tidak diketahui, boleh sahaja disebut secara keseluruhan seperti “sekitar tahun 30’an” atau sebagainya. Sebaiknya harus diperincikan. Seperti “dipelajari oleh informan daripada neneknya seorang bangsa Dusun dari daerah Ranau bernama Siti Fatimah pada tahun 1965, sewaktu umur informan 5 tahun
- b. Nyatakan juga apakan item tersebut masih digunakan lagi oleh informan atau folknya.
- c. Terangkan situasi mana item tersebut digunakan seperti pada musim menuai, menanam atau sebagainya, atau pantang-pantang yang dilakukan apabila item tersebut digunakan seperti kanak-kanak perempuan tidak dibenarkan melihat dan mendengarnya, atau item hanya digunakan oleh sesuatu kelompok sahaja.
- d. Boleh juga diterangkan keadaan suasana item tersebut dipersembahkan/ atau diucapkan, seperti dalam keadaan romantis, bernada lemah lembut, bersemangat, marah dan sebagainya. Dalam teka-teki, elok juga jika dinyatakan reaksi orang yang tidak dapat menjawab atau dapat menjawab teka-teki tersebut. Dalam bidang perubatan pula, hendaklah

dinyatakan sama ada mentera tersebut diucapkan secara terang-terangan atau bersembunyi.

Pendapat dan Penilaian Informan atau Pengumpul

- a. Cuba dapatkan pendapat atau penilaian daripada informan terhadap item yang diberi. Misalnya sama ada beliau masih mempercayai item tersebut atau tidak dan alasannya, sifat-sifat tertentu bentuk item seperti perasaan informan ketika mengucapkan dan menuturkan item tersebut seperti indah, lucu dan sebagainya dan minta juga alasan mengapa mereka berperasaan sedemikian. Perkara ini juga adalah penting kerana terbatasnya pengetahuan pengumpul terhadap budaya masyarakat atau kaum lain.
- b. Pendapat atau penilaian pengumpul terhadap item juga perlu dinyatakan dalam laporan. Misalnya ada informasi yang telah diketahuinya daripada informan lain atau berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka kerana pengumpul memang berasal daripada kolektif yang sama dengan informan. Setiap pengumpul juga perlu menyatakan mengapa item tersebut dikategorikan ke dalam sesuatu genre Kesusasteraan Rakyat.

PERINGATAN

Bentuk Kesusasteraan Rakyat non-prosa (bentuk terikat) yang didokumentasikan itu sama ada bentuk naratif atau non-naratif harus dicatat dalam bahasa asal penutur. Kemudian hendaklah diberi dua terjemahan dalam bahasa Melayu standard. Terjemahan pertama ialah terjemahan kata demi kata dan terjemahan kedua ialah terjemahan isi teks per kalimat.

Bentuk prosa naratif pula walaupun tidak perlu dicatat dalam bahasa asalnya, tetapi adalah baik jika dapat dicatat bahasa asal berserta terjemahan kata demi kata dan terjemahan isi teks per kalimat.

D. KESALAHAN-KESALAHAN YANG HARUS DIHINDARI:

- I Sekali-kali tidak dibenarkan meredaksi item Kesusasteraan Rakyat. Transkripsikan kata-kata dalam teks seperti yang diperolehi dari informan. Jangan berusaha untuk memperbaiki gaya bahasa informan/penutur, apalagi mencoba untuk memperbaiki isi Kesusasteraan Rakyat yang didapati. Seperti perkara yang bersangkutan dengan tahyul, hanya kerana kita rasakan yang ia tidak bersesuaian dengan logika kita, kita ketepikan.

2. Jangan mengumpul bahan Kesusasteraan Rakyat daripada orang yang bukan anggota kolektifnya. Misalnya pengumpul mantera kaum Dusun mendapatkan informasi daripada informan kaum Murut, walaupun ia boleh bertutur bahasa Dusun.
3. Jangan mencampur adukkan dua bahan atau lebih yang dituturkan oleh dua penutur atau lebih dalam satu naskah walaupun isinya sama. Misalnya mencampurkan versi "Bawang Merah Bawang Putih" yang dituturkan oleh ibu sendiri di daerah Kapit dengan versi ibu mertua di daerah Tuaran. Kedua-dua versi ini hendaklah diturunkan dalam dua versi yang berbeza dan berdiri sendiri. Anda boleh melakukan kajian perbandingan jika anda suka
4. Jangan sesekali menggunakan rujukan lintas seperti "Sila rujuk versi *Bawang Putih Bawang Merah*, yang telah dikumpulkan oleh Edmond Gintot". Tetapi hendaklah di nyatakan rujukan tersebut dengan lengkap sebagaimana kaedah rujukan penuh.

E. LATARBELAKANG PENUTUR KESUSASTERAAN RAKYAT

Selain bahan sastera rakyat, pengumpul/ penyelidik Kesusasteraan Rakyat juga harus mengumpul riwayat hidup para penutur/ informan kerana merekalah pewaris aktif bentuk sastera ini. Selain daripada banyak menyimpan bahan sastera rakyat bangsanya, mereka jugamenjadi alat penghubung antara satu generasi dengan generasi masyarakat yang lebih kemudian.

F. PENGGOLONGAN SASTERA RAKYAT MENGIKUT GENRE YANG TERTENTU.

Penggolongan. item-item cerita dongeng/ cerita rakyat yang telah dikumpulkan adalah lebih baik jika diklsifikasikan mengikut genre-genre tertentu. Berdasarkan pengalaman, pengkategorian Kesusasteraan Rakyat dapat dikategorikan kepada:

i. Bentuk Naratif

a. Cerita Mitos:

Mitos asal usul
Mitos Budaya
Mitos Politik

b. Cerita Lagenda

Lagenda Tokoh
Lagenda Nama Tempat

c. Cerita Rakyat:

Cerita Binatang:
Asal-usul binatang (etiological)
Cerita binatang nasihat (fable)
Cerita binatang epik
Cerita Jenaka dan anekdot
Dongeng Biasa:
Cerita lipur lara
Cerita Nasihat
Dongeng Berumus

ii. Non-naratif

a. Puisi Rakyat

Pantun
Syair
Gurindam
Seloka
Talibun
Tromba
Dikir dan lain-lain

b. Bahasa Rakyat

Slanga (bahasa sesuatu kumpulan seperti kumpulan remaja, pencuri, polis, tentera, rock, penagih dadah, bahasa yang menyimpang dari makna asal/ kolokial, bahasa pasar, bahasa rahsia dan sebagainya)

Loghat(berdasarkan kawasan penempatan seperti bahasa kawasan Kota Kinabalu, Papar, Sandakan dan sebagainya)

Nama gelaran (nama yang diberi kepada seseorang berdasarkan sifat fizikalnya atau kelakuannya, kejadian yang pernah menimpanya, untuk mengelakkan kejadian buruk berlaku kepada seseorang)

Sirkumlukusi (perkataan atau ungkapan yang tidak langsung yang digunakan untuk mengelakkan sesuatu kecelakan atau musibah berlaku)

Gelaran kebangsawanan (nama panggilan yang menunjukkan strata/ kebangsawanan keturunan seseorang dalam masyarakatnya seperti Tengku, Raja, Megat, Nik dan sebagainya dan kedudukan seseorang di dalam masyarakatnya seperti Yang Maha Mudia, Yang Berhormat, Tuan, Puan dan sebagainya)

Bahasa bertingkat (yang digunakan sebagai pengingat kepada kedudukan perbezaan seseorang di dalam masyarakatnya yang berkaitan dengan nilai budaya masyarakat pengguna dan berhubung dengan sopan santun seperti santap, bersiram, beradu untuk raja-raja)

Kata-kata onomatopia (perkataan yang terbentuk dengan mencontohi suara alam seperti perkataan **berdesir** daripada bunyi angin yang sedang bertiup, **berdentum** yang terbentuk daripada bunyi tembakan dan sebagainya)

Onomastik (asal usul nama tempat, benda, makanan, tumbuh-tumbuhan seperti durian daripada keadaan buah yang berduri, bubur caca berasal daripada bahan yang berbagai dalam masakan bubur, nama Ipoh yang diambil sempena pokok ipoh, Penggaram daripada nama tempat menggaram ikan dan sebagainya)

c. **Ungkapan Tradisional/ Peribahasa**

Simpulan bahasa

Pepatah

Perbidalan

Perumpamaan

Dan sebagainya

d. **Ungkapan Pertanyaan/ Teka Teki**

e. **Nyanyian Rakyat (folksongs)**

Nyanyian tidak sesungguhnya seperti nyanyian yang tidak mempunyai lirik tetapi hanya meniru bunyi alat muzik; biasanya disertai gerak anggota badan seperti bertepuk).

Nyanyian yang sesungguhnya (terbahagi kepada tiga jenis iaitu **nyanyian rakyat berfungsi** seperti nyanyian untuk menidurkan anak, nyanyian untuk bekerja, nyanyian untuk bermain, **nyanyian rakyat bersifat merayu-rayu** kerana bersedih, putus asa, cinta, **nyanyian rakyat keagamaan atau ajaran moral**, **nyanyian yang mengandungi nasihat**, **nyanyian berunsur hiburan/ jenaka**, **nyanyian bertimbun**

banyak, nyanyian parodi/ megejek/ menyindir dan sebagainya.

3. Nyanyian Berkisah iaitu nyanyian yang digunakan untuk menceritakan sesuatu kisah seperti ballad dan epos.

Kesimpulan

Pendokumentasian/ pengumpulan Kesusasteraan Rakyat sesungguhnya menuntut kesabaran dan ketelitian yang lebih. Oleh itu sebagai bakal pengkaji/ pengumpul sastera rakyat, para peserta bengkel seharusnya tidak merasa putus asa dan cepat merasa bosan kerana usaha anda ini merupakan jambatan yang menghubungkan antara generasi sekarang dengan generasi terdahulu selain dapat mengenal hati budi masyarakat kita.

RUJUKAN

- Aarne, Antti dan Stith Thompson, *The Types of the Folktales* (a Classification and Bibliography), Helsinki : Soumalinen Tiedeakatemia Academia Scientiarum Fennica, 1964.
- Bachtiar, Harsja W, "Pengamatan sebagai satu metode Penelitian" , dalam Koetjaraningrat ed. *Metode-Metode Penelitian* Jakarta : Gramedia. 1977 halmn. 137 – 161.
- Brunvand, Jan Harold, *The Study of American Folklore – An Introduction*, New York : W.W. Norton & Co. Inc 1968.
- James Danandjaja, *Folklore Indonesia: Ilmu Gosip, Dongeng dan lain-lain*, Jakarta : Penerbit Grafiti Pers, 1984.

LAMPIRAN 1

GARIS KASAR HELAIAN DOKUMENTASI

3 ½ cm.

Ganre-Daerah-Suku bangsa-Kampung

Nama informan-Umur -Jantina
Pekerjaan-Suku bangsa-Tempat
lahir Informan.
Bahasa yang dikuasai informan.
Tempat Kesusasteraan Rakyat
dituturkan.
Tarikh bahan dikumpul oleh
pengumpul.

Bahan Kesusasteraan Rakyat (harus diberi terjemahan
kata demi kata dan terjemahan isi bagi teks yang
bukan dalam bahasa Melayu standard)

3 ½ cm.

**Keterangan tentang latar belakang kebudayaan
masyarakat contextual information) teks yang
dikumpulkan**

Rumusan dan pentafsiran oleh penutur dan pengumpul

2 ½ cm

Nama pengumpul-suku bangsa-
usia- jantina.
Alamat semntara dan alamat
tetap pengumpul.

3 ½ cm.

LAMPIRAN 2 : CONTOH

Cerita Jenaka- Perlis-Melayu- Chuping

Ramli bin Mahmud
 Petani, penglipur lara
 Melayu dialek utara
 Chuping, Perlis
 27 Mac 1999

TAJUK CERITA: AWANG 'ADA DUIT SEMUA JADI'

Lagu Permulaan: 'Makan Sireh'

Heii... telahlah sudah cek makan
 ... ohh pinang,
 sepiak dua tiga menolak cek sudah.
 Heii.. Dua dan tiga menolak cek sudah,
 mengayuh salam mengundang Cik Limah,
 mengunjung tabik, kami mengunjung cek sembah.

Heii... heiiii... mengunjung tabik,
 mengunjung sembah'
 pada tuan-tuan dan puan, hadirin hadirat sekalian'
 mana yang ada, kami tabik semua, kami tabik belaka.
 Heii... Heii... habislah tabik,
 kecil besak, tua dan muda, jantan betina.
 Maklong, mak ngah, mak cik, mak cak, kami tabik
 juga, mana tak kena, pakat tolong pekena.
 Mana tak betui, pakat tolong pebetui
 Heii... heii... pada tika ni, waktu la ni
 Hang tengok aku aku tengok hang.
 Hang gelak dekat aku
 aku kernyeh dekat ngah hang

Aznan Mat Isa-Melayu-
 30tahun- lelaki
 Guru Sekolah Rendah
 Kebangsaan Chuping,
 Arau,Perlis.

Heii... heii... hang kesot mai
 Aaku kesot pi... Terkesot-kesot
 Hang kerjip mata aku kernyot cek misai
 Heii... hei hang pegang aku, aku pegang hang
 Hang cubit aku, aku pulas cek ngah hang
 Heii... heii... riuh dan gegak, renyit gempita
 Tak dak dah sapa pakat nak ambik cek sedak
 Heii... heii... Guru tua sedang guru cek muda
 Guru... tua'
 kami dok salin tok guru
 Heii... hei... bukan dah main, kami tiru meniru
 Kami dok turun dulu, balik dulu yang dulu.
 Heii... heii...kami dok turun'
 pula baris dulu yang dulu
 Ada dulu, ada pula sekarang.
 Heii... hei hilang dah royat,
 cenita pula nak timbui
 Timbui pula kisah Cek Awang Belanga.

Cerita Awang ada duit semua jadi ni, depa tinggal satu keluarga. Lepas tu, yang tu dia dari kecik sampai besak bukan ada kerja lain... dok kata yang tu 'ada duit kesemua jadi.' Jadi, kira nak kerja pun bukan mau kerja sangat. Kira ibu dan bapa dia jenuh riuh baru dia nak mau kerja, kerja sikit-sikit gitu. Yang dia rajin, yang dia minat sangat yang tu lah 'ada duit semua jadi'. Dok kata haktu, dok kata yang tu hulu kampung, hilir kampung. Orang kampung pun cemuih habis dah.

Dengan perkataan dia tu, sampai ke satu negeri orang cemuih. Dok kata yang tu saja lah 'ada duit semua jadi'. Lama-lama negeri tupun dipanggil, digelar orang negeri 'ada duit semua jadi'. Tu yang raja marah. Raja murkalah. Raja panggil Wak Nujum tilik tengok. Tok Nujum tilik kan, tok Nujum kata betui juga Awang kata 'ada duit semua jadi'. Pasai masa tu, orang... bukan banyak yang tau guna duit. Banyak yang perjahnam duit. Kalau boleh duit banyak pun, depa boh dalam bantai, boh dalam bok tilam. Jadi, jahnam duit tu dah bertaun-taun baru bawa terbit. Huruf pun tak dak dah duit tu. Kalau duit syiling pula, depa tebuk. Depa tebuk-tebuk, depa karang banyak-banyak buat tali pinggang. Buat pakai masa pengantin, budak-budak dok masuk jawi. Tu orang dulu-dulu banyak perjahnam duit. Tu Tok Nujum kata macam tu. Raja tak berapa percaya jugalah. Raja titah hutubalang pi ambil Awang mengadap.

Aznan bin Mat Isa

Bila ambil Awang mengadap Awang dah sampai di sini, raja marahlah. Raja kata betui tak betui 'ada duit semua jadi'. Awang kata, "betui". Bila awang kata betui tu, dia marah, ha marah. Dia tengok Awang ni, nak kata gila pun tak gila. Kalau gila senang dia bubuh dalam penjara saja.

Lepas tu dia kata, dah hang kata betui 'ada duit semua jadi', dia bagi duit tiga ribu ringgit dekat Awang. Lepas tu .Tuan puteri dia, dia kahwin bagi. Duduk sama dia tak bagi. Sembilan bulan dia mau cucu. Haa tak boleh cucu dia akan bunuh la... Tapi tak bagi duduk sekali. Pasai dia nak tengok betui ka tak betui, 'ada duit semua jadi' tu. Masa kenduri Awang tulah' tiga hari tiga malam. Kenduri menikah Awang tu. Tu yang main mak yong, menora semua lah. Tu yang ada kaset muzik asli semua tu. Awang pun menyanyi samalah. Masa main tu, Awang boleh tengok Tuan Puteri. Tuan Puteri tak boleh tengok dia. Kan orang banyak. Tu yang Awang menyanyi. Baru Tuan Puteri boleh tengok....

Raja pun heran juga. Nak kata Awang balik, yang segala hulubalangdok jaga apa haaa. Tanya hulubalang pakat sorang pun tak tau. Pakat jaga malam pun tak pernah lena, semut pun tak boleh masuk. Tau-tau panggil ahli nujum. Ahli nujum pun pi. Tilik pi, tilik mai tak ada apa dia kata. Tak dak orang mai pun.

Lepas tu dah marah, koi lama koi geram.... Raja pi hendap sendiri. Pagi-pagi sebelum matahari naik, dia pi hendap sendiri, tengok-tengok Awang.. haa... Raja tak jadi nak marah haa.

Lepas tu raja tanya macam mana yang boleh masuk nih... HUUUUH... dia habak, yang dia masuk dalam merak tu. Termalu raja pun. Tersilap dia rasa pasai tak periksa merak dulu. Tersilap tang tu. Betui raja kata ada duit semua jadi'. Ha... jadi menentu raja dia. Kira raja pun terima. Raja pun tak berani buat rancangan lain dah.. sat ni kut ada rancangan lain pula, Awang Sebab tu kalau dulu ni.... Kalau nama awang, budak raja orang pangghl. Tapi laa ni kalau sebut nama Awang, pakat senyum ha...

MUZIK PENUTUP: LAGU MAKAN SIREH

Aznan bin Mat Isa

TERJEMAHAN ISI

Di dalam sebuah negeri yang bernama Indera Kayangan, tinggal seorang pemuda yang bernama Awang bersama dengan ibunya. Awang tidak mempunyai sebarang pekerjaan melainkan hanya menyebut-nyebut kalimah 'ada duit semua jadi' pada setiap ketika. Disebabkan itulah akhirnya Awang digelar 'Awang ada duit semua jadi'.

Kalimah yang dituturkan awang itu menyebabkan raja negeri Indera Kayangan iaitu Raja Malim Dewa murka dan akhirnya baginda memanggil Awang ke istana dan bertanya akan kebenaran kalimah yang diucapkan oleh Awang sehingga menyebabkan malu seluruh negeri. Setelah Awang mempertahankan kalimah yang diucapkannya itu, raja memberikan Awang wang sejumlah tiga ribu ringgit dan mengahwinkan puterinya dengan Awang. Walaubagaimanapun Awang tidak dibenarkan tidur bersama tetapi baginda mahukan cucu dalam tempoh sembilan bulan. Jika tidak tertunai, Awang akan dihukum bunuh.

Awang sangat takut dan akhirnya melarikan din ke sebuah negeri lain. Di sana dia menumpang di rumah nenek kebayan dengan menolong nenek itu menjual tikar. Apabila berada di pekan, Awang ternampak seekor merak emas yang sangat cantik. Awang pun pergi berjumpa tukang membuat merak itu dan mengupahnya membuat merak yang lebih besar.

Apabila merak sudah siap, Awang pun menyuruh tukang itu menghantar merak emas tersebut ke istana. Raja sangat gembira dan meletakkan merak itu di dalam bilik puterinya. Tanpa disedari, rupanya Awang bersembunyi di dalam merak emas itu. Pada waktu malam Awang keluar menemui tuan puteri (isterinya) dan pada sebelah siang dia bersembunyi di dalam merak.

Lama kelamaan, puterinya pun mengandung. Raja sangat susah hati, akhirnya baginda menyiasat siapakah yang meniduri puterinya sehingga demikian keadaannya. Pada suatu pagi, ketika mengintai di bilik puterinya, maka ternampaklah kelibat Awang. Raja hairan bagaimanakah Awang boleh berada di istana tanpa disedari oleh hulubalang dan seisi istana. Raja Malim Dewa akhirnya mengakuilah kalimah 'ada duit semua jadi' yang sering dituturkan Awang.

Aznan bin Mat Isa

LATARBELAKANG KEBUDAYAAN MASYARAKAT

Latar belakang penutur

Cerita jenaka “*Awang ada duit semua boleh jadi*” merupakan cerita yang diwarisi oleh penuturnya Ramli Mahmud daripada bapanya Pak Mahmud seorang tukang penglipurlara yang lebih dikenali sebagai “Awang Batil”. Ramli merupakan pewaris tunggal Pak Mahmud yang mewarisi tradisi ini secara rasmi. Malahan semua alatan yang digunakan seperti topeng dan batil adalah waris daripada Pak Mahmud. Ramli juga mewarisi ilmu persembahan sastera rakyat daripada Pak Mahmud termasuk ilmu persembahan dan ilmu ketika mengadap dan mengawal penonton/pendengar.

RUMUSAN DAN KRITIKAN

Cerita ini diklasifikasikan sebagai cerita jenaka kerana menurut penuturnya ia dianggap sebagai cerita hiburan disamping memebi pengajaran terhadap pendengar. Cerita ini hanyalah merupakan cerita rekaan semata-mata.

Unsur jenaka boleh dilihat dalam cerita ini berdasarkan kelakuan Awang yang ganjil/ tidak normal sehingga mengakibatkan kegemparan di seluruh negeri. Raja juga terpaksa campur tangan kerana merasa malu negerinya digelar Negeri Ada Duit Semua Jadi.

Syarat yang dikenakan oleh raja terhadap Awang juga merupakan perkara abnormal sekaligus dapat menimbulkan rasa geli hati kepada pendengar.

Selain daripada itu, bahasa yang digunakan oleh penutur juga mengandungi perkataan yang dapat menimbulkan unsur geli hati kepada pendengar.

Rujukan/ Anotasi:

James Danandjaja, *Folklore Indonesia : Ilmu Gosip, Dongeng dan lain-lain*, Jakarta: Grafiti, 1984.

Aznan bin Mat Isa